

# Mahaleel dakwa tawaran tidak memuaskan: Tun M

## Proton ambil keputusan selepas syarat kontrak 'inferior' enggan dipersetujui

Oleh Misiah Taib

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui tidak terkejut dengan keputusan Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff untuk tidak menerima tawaran sambungan kontraknya sebagai ketua pegawai eksekutif (CEO) Proton Holdings Bhd.

Bekas Perdana Menteri yang juga Penasihat Proton, berkata Tengku Mahaleel diberi cukup masa untuk menerima tawaran itu tetapi enggan menandatangani kontrak berkenaan kerana menganggapnya kurang memuaskan.

Sehubungan itu, katanya, lembaga pengarah Proton berhak untuk tidak menyambung kontrak Tengku Mahaleel dan proses itu dilakukan mengikut prosedur berdasarkan peraturan serta undang-undang yang sah.

"Tengku Mahaleel ada menghubungi saya dan memberitahu beliau enggan menandatangani kontrak itu kerana mendakwa syaratnya adalah inferior berbanding syarat beliau sendiri.

"Nampaknya, tidak ada kesediaan untuk mempertimbangkan pandangan Tengku Mahaleel, jadi beliau

enggan menandatangani dan lembaga pengarah mengambil keputusan tidak memperbaharui kontraknya," katanya pada sidang media di Menara Petronas di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas keputusan lembaga pengarah Proton pada mesyuarat yang dipengerusikan Datuk Mohamed Azlan kelmarin, untuk tidak memperbaharui kontrak Tengku Mahaleel.

Tengku Mahaleel yang menyertai Proton pada 1996 apabila dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Operasi dan Perancangan Strategik, bercuti mulai semalam dan akan bersara pada 30 September ini.

Pada sidang media kira-kira 50 minit itu, Dr Mahathir beberapa kali memberikan jawapan sinis terhadap soalan diajukan media.

Malah, sebelum memulakan sidang akhbar yang dihadiri lebih 50 wakil media tempatan dan asing, Dr Mahathir juga mengambil sikap berhati-hati keranaimbang membuat kenyataan yang salah.

"Saya terpaksa catat nota kerana jika tersilap kata, saya boleh disaman. Saya juga boleh disingkir seperti yang berlaku kepada Mahaleel mungkin kerana kenyataan saya di-

anggap salah," katanya.

Ketika ditanya apakah lembaga pengarah Proton berunding dengan beliau terlebih dulu sebelum keputusan dibuat, Dr Mahathir secara sinis berkata:

"Tidak sebagai penasihat. Saya dimaklumkan selepas keputusan dibuat. Saya bukan penasihat Britain, anda perlu tanya dulu dan jika beliau kata jangan, anda tidak boleh buat. Saya hanya penasihat Melayu, anda beritahu kemudian, bukan sebelum.

"Pandangan saya tidak penting. Sebagai penasihat, anda cuma menasihati. Orang suka nasihat anda, mereka ikut, kalau tak suka, mereka tak ikut."

Ditanya perasaannya pula, beliau berkata: "Saya tidak ada perasaan langsung".

Malah ketika ditanya apakah syarat 'inferior' yang dimaksudkan sengaja diadakan supaya Tengku Mahaleel tidak menerima tawaran berkenaan, Dr Mahathir berkata: "Saya tak kata begitu. Tapi faktanya ialah beliau tidak boleh menerima syarat yang diberikan, itu saja.

"Saya bukan kata ia sengaja diadakan, saya rasa oleh kerana beliau rasa beliau sudah melakukan tugas dengan baik dalam Proton, beliau

patut dibayar lebih... tapi bagi saya, lihat saja apa yang saya tinggalkan bila saya berhenti menjadi Perdana Menteri, kini kerajaan tidak ada wang, saya sudah belanjakan semuanya."

Ketika ditanya apakah beliau melihat orang asing akan menerajui Proton, Dr Mahathir dengan sinis

*"Saya tidak dibayar satu sen pun oleh Proton dan tidak ada elaun mesyuarat. Saya juga Penasihat Petronas, Lembaga Pembangunan Langkawi dan Lembaga Pembangunan Tioman"*

**Dr Mahathir Mohamad**  
*Bekas Perdana Menteri*


berkata: "Sebenarnya warga Malaysia tidak berkemampuan, sebab itulah kita kena ambil orang asing termasuk untuk menerajui negara kita... kita boleh dapatkan orang asing untuk jadi Perdana Menteri, kenapa tidak, jika dia ada otak."

Dr Mahathir berkata, lembaga pengarah memaklumkan kepada beliau keputusan itu kelmarin dan keputusan secara bertulis diterimanya pagi semalam.

Bekas Perdana Menteri itu juga berkata, beliau tidak dibayar gaji sebagai Penasihat Proton dan tidak meminta apa-apapun kerana gembira masih dapat berkhidmat kepada negara.

"Hanya Petronas beri saya RM15,000 sebulan dan mereka potong RM5,000 daripadanya untuk cukai pendapatan saya. Ini pun bukan saya yang minta. Saya tidak tahu pun... mereka bayar melalui akaun saya. Saya tidak kisah kalau Petronas tidak beri kerana saya anggap ini semua sebagai khidmat kepada negara," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, sebelum ini pun Tengku Mahaleel telah disingkirkan daripada beberapa jawatan pengerusi anak-anak syarikat utama Proton.



Tengku Mahaleel

Tengku Mahaleel, katanya, telah diturunkan pangkat kepada pengarah biasa dalam beberapa anak syarikat utama, manakala jawatan pengerusi anak-anak syarikat itu diambil alih oleh pengerusi syarikat pegangan itu.

"Pengerusi anak syarikat sebelumnya melaporkan diri kepada pengerusi syarikat pegangan. Sekarang kena lapor pada diri sendirilah. Apakah ini satu amalan betul... saya pun tak tahu," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam senario automotif dunia memang ramai CEO syarikat besar dipecat, termasuk Nissan, Mitsubishi, Chrysler dan General Motor, kerana gagal, tetapi beliau tidak tahu apakah Tengku Mahaleel juga boleh dianggap gagal.

"Di bawah Tengku Mahaleel, Proton mencatat keuntungan dengan wang terkumpul berjumlah lebih RM4 bilion, malah Proton menggunakan RM1.8 bilion untuk membina kilang di Tanjung Malim tanpa meminjam dari luar dan meminta bantuan kerajaan.

"Saya tak tahulah kalau anda mahu anggap itu sebagai kegagalan," katanya yang melahirkan keyakinan Proton akan lebih maju di bawah pengurusan baru nanti.